



SIARAN MEDIA

TFST CAPAI KEMAJUAN SIGNIFIKAN: 1,260 PROJEK DIPULIHKAN

PUTRAJAYA, 19 September 2025 – Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu hari ini telah mempengerusikan Mesyuarat *Task Force* Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST) Bilangan 5 Tahun 2025. Jawatankuasa khusus di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ini ditubuhkan khas untuk memberi tumpuan kepada penilaian status semasa serta langkah intervensi berkesan dalam memulihkan projek perumahan swasta bermasalah di seluruh negara.

YB Datuk Hajah Aiman Athirah memaklumkan bahawa sehingga **31 Ogos 2025**, TFST telah merekodkan sebanyak **144 projek perumahan swasta berstatus lewat**, **345 projek berstatus sakit** dan **108 projek berstatus terbengkalai** di seluruh negara. Angka ini menunjukkan perkembangan positif apabila jumlah projek sakit menurun daripada **360 projek pada 30 Jun 2025 kepada 345 projek**, manakala projek lewat turut mencatatkan penurunan ketara daripada **233 projek kepada 144 projek**. Sementara itu, jumlah projek terbengkalai juga merekodkan sedikit penurunan daripada **109 projek kepada 108 projek**.

Beliau menjelaskan bahawa pencapaian TFST sejak ditubuhkan pada tahun 2023 hingga kini cukup signifikan, apabila **1,260 projek perumahan swasta telah berjaya dipulihkan** merangkumi **150,968 unit rumah dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM121.44 bilion**. Sejak TFST Bil. 1/2025, sebanyak **325 projek perumahan sakit dan lewat** yang melibatkan **36,922 unit rumah dengan GDV berjumlah RM28.85 bilion** telah berjaya dipulihkan. Manakala, sebanyak **lapan (8) projek terbengkalai** melibatkan **1,299 unit rumah dengan GDV RM109.05 juta** telah berjaya diselesaikan sepenuhnya, sama ada melalui penyiapan projek sehingga memperoleh Sijil Perakuan Siap dan Pamatuhan atau Certificate of Completion and Compliance (CCC) melalui kaedah penyelesaian

pembeli.

YB Datuk Hajah Aiman Athirah turut memaklumkan bahawa TFST juga melaksanakan lawatan tapak bagi memantau perkembangan projek secara langsung. Sepanjang tahun 2024, sebanyak 34 projek telah dilawati, manakala bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Ogos 2025 pula, sebanyak 26 projek telah dilawati. Secara keseluruhannya, **sebanyak 60 projek telah dilawati** oleh beliau, di mana **36 projek telah berjaya memperoleh CCC**. Manakala selebihnya sebanyak 24 projek menunjukkan perkembangan kerja yang positif dan dijangka siap mengikut jadual yang telah ditetapkan. YB Datuk Hajah Aiman Athirah menjelaskan bahawa pencapaian ini adalah hasil kerjasama erat antara pasukan TFST, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Agensi Teknikal dan Agensi Penyedia Utiliti.

TFST akan terus berperanan sebagai platform utama dalam menangani isu projek perumahan swasta bermasalah dengan mengemukakan cadangan penyelesaian yang praktikal dan berkesan. Usaha ini adalah selaras dengan **matlamat KPKT untuk mencapai sifar projek terbengkalai menjelang tahun 2030**. KPKT kekal komited untuk melaksanakan pemantauan yang lebih berkesan, memperkukuh kerjasama strategik dengan semua pihak berkepentingan serta melaksanakan intervensi yang sesuai agar setiap projek dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan. Langkah ini juga memastikan hak dan kepentingan pembeli rumah sentiasa dipelihara.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertivi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

